



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department of Malaysia
NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3 (4)

Tarikh : 13 Julai 2023

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERMOHONAN KELULUSAN TERIMAAN SECARA ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) MELALUI AKAUN TERIMAAN PEJABAT PERAKAUNAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa transaksi terimaan secara Electronic Fund Transfer (EFT) ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan adalah dikawal dan dipantau secara berterusan bagi memastikan semua transaksi dapat diperakaunkan sewajarnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Perkara ini juga adalah selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 Tatacara Pengurusan Terimaan.

3. Justeru, sekiranya terdapat keperluan untuk menerima pembayaran daripada mana-mana Jabatan/Agensi secara EFT, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan terlebih dahulu kepada Jabatan ini dan pembayaran hanya boleh dibuat setelah menerima KELULUSAN daripada Pengarah JANM Negeri Pahang dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4. Selain itu, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat hebahan berkenaan maklumat akaun Terimaan Pejabat Perakaunan kepada mana-mana agensi/individu tanpa kebenaran JANM Pahang. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Dana (Terimaan) di talian 09-591 5029/5023.

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3 (4)
Tarikh : 13 Julai 2023

5. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan transaksi terimaan dapat diperakaunkan berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(BURMANUDIN BIN MOHD NOOR C.A. (M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang